

PELAKSANAAN PENANDAARASAN KUALITI DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

MOHD BAKRI BIN ABD RAHIM

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2010

ABSTRAK

Industri pembinaan merupakan salah satu industri yang menyumbang dalam pembangunan ekonomi Malaysia yang penting. Secara amnya, industri pembinaan tidak terkecuali daripada persaingan daripada dalam negara dan peringkat global. Oleh itu kontraktor harus mempunyai kaedah yang dapat meningkatkan prestasi dan kualiti kerja amat diperlukan. Penandaarasan adalah merupakan satu proses yang sistematik dan berterusan untuk mengenalpasti, mempelajari, mengubahsuai dan melaksanakan amalan-amalan terbaik daripada organisasi yang sama atau daripada organisasi lain untuk mencapai prestasi unggul. Ia memerlukan syarikat kontraktor untuk memilih Rakan Rujukan di mana pengukuran boleh dilakukan dan sebarang jurang yang wujud dirapatkan. Akan tetapi, isu utama penandaarasan ini adalah mengenai pelaksanaan proses penandaarasan ini di dalam syarikat kontraktor dan halangan yang dihadapi dalam melaksanakan penandaarasan tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti pelaksanaan penandaarasan di dalam industri pembinaan dan halangan yang dihadapi dalam melaksanakan penandaarasan. Kajian ini dijalankan ke atas kontraktor yang berdaftar dengan CIDB iaitu G7, G6, G5 dan G4 sahaja. Kaedah yang digunakan dalam mendapatkan maklumat dari pihak responden adalah dengan menggunakan borang soal selidik. Daripada data yang diperolehi menunjukkan berlaku proses penandaarasan di dalam industri pembinaan berdasarkan proses-proses penandaarasan dilaksanakan secara tidak formal. Data yang di kumpul juga mendapati terdapat halangan dari segi lokasi dan bentuk projek pembinaan yang berlainan. Kajian ini dapat membantu kita dalam mengetahui tahap kualiti pembinaan di Malaysia dan dapat membantu pihak kontraktor untuk meningkatkan kualiti kerja berdasarkan setanding dengan rakan penandaarasan yang mengamalkan amalan kerja terbaik.

ABSTRACT

Construction industry is an important industry that also contributes towards Malaysia economic development. In general, construction industry is not excluded from the competition with domestic and international industries. For that reason, contractor must have their own methods to improve their performance and quality of work. Benchmarking is a systematic and continuous process, to identify, learn, modify and implement the best practices for the same organization or other organization, to achieve the best performance of works. This will need the contractor's company to choose their reference which can be measured and to cover any gap existence. However, the major issues of benchmarking are on the implementation process in the contractor company and the obstacles faced in implementing the benchmarking. The objectives of the study are to identify the implementation of benchmarking in construction industry and the obstacles faced during the implementation process. This study was conducted to the contractors that have registered under grade G7, G6, G5 and G4 with CIDB. The methodology used to collect the information from the respondents was by using questionnaire forms. From the data collected, it shows that the benchmarking process was implemented in the construction industry in an informal ways. From the data collected, different location and form of construction project are the obstacles faced in implementing the benchmarking. This study can help in identifying the quality level of construction industry in Malaysia. This study also can help the contractor to increase their quality of work to be at the same level with their benchmarking partner who practiced the best work as expert or professional.